

Kerajaan

kaji

NOV 1995

kesan

Nafta

P
KUALA LUMPUR, Sela-
sa — Kerajaan akan
mengkaji sama ada penu-
buan Perjanjian Perda-
gangan Bebas Amerika
Utara (Nafta) akan meru-
gikan negara atau tidak,
kata Datuk Seri Dr Ma-
hathir Mohamad.

Bercakap kepada pem-
berita di lobi Parlimen
hari ini, Dr Mahathir ber-
kata, Malaysia akan sen-
tiasa memerhatikan per-
kembangan Nafta selepas
ia diterima.

“Kita perlukan masa se-
belum kita menentukan
tindakan atau pendirian
kita,” katanya ketika dita-
nya pemberita langkah
Malaysia untuk mengha-
dapi cabaran Nafta sele-
pas penubuhannya.

Mengenai berapa ba-
nyak kerugian yang di-
jangka ditanggung oleh
Malaysia dengan penu-
buan Nafta, Perdana
Menteri berkata:

“Kita belum buat kajian
lagi. Tetapi hakikatnya
ialah kos pengeluaran di
Mexico umpamanya lebih
rendah.

“Dengan itu, kalau
Amerika Syarikat mela-
bur di Mexico, kemungki-
nan punca import mereka
lebih daripada Mexico
berbanding Malaysia,” ka-
tanya.